

ARKIB : 20/11/2013

Negara luar berminat jadikan PPPM sebagai rujukan - Idris



IDRIS Jusoh (dua, kiri) melawat pameran Kolej Tunku Kurshiah sempena Majlis Perasmian Persidangan Serantau Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan Ketiga di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, Pahang, semalam.

GENTING HIGHLANDS 19 Nov. - Malaysia menjadi negara contoh dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) yang diambil sebagai rujukan utama untuk memajukan pendidikan negara bertaraf dunia.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, perkembangan positif itu semakin ketara setelah pelaksanaan PPPM yang dilancarkan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku Menteri Pendidikan pada 6 September lalu turut mendapat perakuan Pertubuhan Pendidikan, Sains, dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) baru-baru ini.

"Negara luar kini menjadikan Malaysia sebagai contoh dalam memajukan bidang pendidikan lebih-lebih lagi PPPM telah mendapat pengiktirafan UNESCO.

"Perkara ini dapat dilihat menerusi penglibatan mereka secara langsung untuk berkongsi kaedah digunakan oleh Malaysia dan melaksanakannya di negara masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Serantau Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan Ketiga anjuran Institut Aminuddin Baki (IAB) di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengarah IAB, Datuk Khairil Awang dan Timbalannya, Dr. Zainab Hussin.

Mengulas lanjut, Idris berkata, persidangan itu merupakan contoh jelas apabila lebih 100 peserta dari beberapa negara antaranya Nigeria, Indonesia, India, China, Jepun, Arab Saudi, Kuwait, Thailand dan Australia menyertainya.

"Kedatangan peserta luar negara ke IAB ini memberi gambaran bahawa mereka sudah menerima Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan selain melihat potensi IAB untuk memberi sesuatu yang boleh mereka pelajari seperti mana di Harvard," katanya.

Sementara itu, Idris turut berharap kecenderungan Prof. Dr. Tony Bush dari Nottingham University, United Kingdom meneliti dasar PPPM sebelum ini dapat membantu peserta-peserta lain untuk lebih memahami dan menghayati pelaksanaannya kelak.

Selain Bush, turut tampil sebagai penceramah dalam persidangan yang berlangsung selama tiga hari itu ialah Dr. David Zyngier dari Monash University, Australia; Prof. Tan Sri Dzulkifli Abd. Razak (Presiden International Association of Universities, UNESCO House, Paris) dan Prof. Dr. Alma Harris (Universiti Malaya).

Artikel Penuh: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131120/dn_15/Negara-luar-berminat-jadikan-PPPM-sebagai-rujukan---Idris#ixzz2v2v6gtcb

© Utusan Melayu (M) Bhd